



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

6TH MALAYSIA – NETHERLANDS WATER DIALOGUE “Water and Climate Change”

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dengan kerjasama Kedutaan Belanda di Kuala Lumpur telah menganjurkan the 6th Malaysia – Netherlands Water Dialogue bertempat di Asian International Arbitration Center (AIAC), Kuala Lumpur.

Penganjuran Dialog ini adalah acara tahunan hasil kerjasama di antara NRECC dan Kedutaan Belanda sejak tahun 2018. Padatahun ini, sesi dialog dihadiri oleh TYT Mark Rutte, Perdana Menteri Belanda yang membuat lawatan kerja ke Malaysia dan mengadakan perbincangan bersama YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri NRECC.

Dialog pada tahun ini bertemakan “Water and Climate Change” bertepatan dengan cabaran negara dalam mendepani impak perubahan iklim yang mengakibatkan kejadian cuaca melampau di mana kebanyakan bencana alam adalah berkaitan air.

Objektif dialog adalah untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan teknologi berkaitan pengurusan air dan perubahan iklim serta cadangan mengatasi risiko berkaitan perubahan iklim dan langkah adaptasi yang relevan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengekalkan jaringan perhubungan dan kerjasama strategik Malaysia dan Belanda.

Sesi Dialog ini telah dihadiri oleh wakil daripada jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, wakil-wakil kedutaan, operator air dan pembetungan, badan-badan antarabangsa, institusi pengajian tinggi, badan korporat serta badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Program ini melibatkan sesi pembentangan oleh pakar-pakar dalam bidang air dan perubahan iklim daripada kedua-dua negara. Pembentang daripada Malaysia terdiri daripada wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara, Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI- UKM). Manakala, pembentang

daripada Belanda diwakili oleh Deltares iaitu institut pengetahuan air di Belanda dan pakar pengurusan banjir daripada Belanda.

Program telah disempurnakan melalui ucap-tama dan sesi dialog di antara Perdana Menteri Belanda dan Menteri NRECC. Sesi dialog membicarakan tindakan konkrit kedua-dua negara dalam usaha mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta bagaimana kedua-dua negara membentuk dasar dan pelaburan masa hadapan dalam sektor air berdasarkan kepada bencana akibat perubahan cuaca yang berlaku pada masa ini.

Selain itu dialog yang diadakan turut membincangkan bentuk kerjasama yang sedang dilaksanakan dan berpotensi untuk dikembangkan di antara kedua-dua negara berkaitan air dan perubahan iklim di masa akan datang, antara lainnya kesinambungan di bawah kerjasama dengan Dutch Risk Reduction (DRR) Team yang bertujuan untuk menambah baik pengurusan risiko banjir Malaysia.

Kerjasama Malaysia dan Belanda melalui platform ini akan diteruskan bagi mengekalkan hubungan baik antara kedua-dua negara dalam bidang pengurusan air dan risiko bencana berkaitan air.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

1 NOVEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia